

KESEPADUAN PENDIDIKAN MODAL INSAN DALAM ORGANISASI PENDIDIKAN

Integration of Human Capital Education in Educational Organization

AZHAR HJ.WAHID

azhar@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Dalam setiap organisasi pendidikan, faktor sumber manusianya memainkan peranan yang paling penting dan kritikal. Cemerlang atau mundurnya sebuah organisasi itu bergantung sepenuhnya kepada kehebatan, kecemerlangan dan kecendekiawanan sumber daya manusianya. Pembangunan modal insan dalam anggota organisasi merangkumi perangai, sikap, motivasi, kemampuan mental, fizikal dan sebagainya. Manakala ciri keintelektualan dan karisma yang merupakan komponen terpenting dalam konsep kepimpinan transformasional menjadi faktor pendorong dan pemersatu dalam usaha menggerakkan warga organisasi melunasi tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang. Dalam organisasi pendidikan, kepemimpinan yang memiliki kapasiti kepemimpinan transformasional dengan kekuatan rangsangan intelektual, akan membantu menjadikan organisasinya mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pada tahap yang tinggi dengan dokongan dan iltizam semua peringkat warga organisasinya. Oleh itu, kesepaduan pendidikan modal insan dalam organisasi pendidikan perlu dilaksanakan dan dimantapkan untuk pengembelingan dan merealisasikan input ilmu, ketrampilan dan sikap yang positif terhadap segala usaha mengwujudkan satu suasana organisasi pendidikan yang harmoni ke arah melahirkan masyarakat berpendidikan modal insan.

Kata Kunci: modal insan, pendidikan, ilmu, PIBG, idealisme

ABSTRACT

In every education organization, the factor of its human resources play the critical and important role. The excellent or failure of an organization depends entirely on the greatness, achievement and scholarly of its human resources. The human capital development in the organization's members include the behavior, attitude, motivation, mental ability, physical and so on. While the intellectual feature and charisma which is the important component in the concept of transformational leadership become the unifying and motivate factor in mobilizing members of the organization settled the responsibility of teaching and learning excellence. In the education organization, the leadership has capacity of transformational leadership with the strength of intellectual stimulation, will help make the organization to identify and solve problems at a high level with the support and commitment of all levels of the organization. Therefore, the integration of human capital education in educational organizations should be implemented and strengthened to and realize the input of knowledge, skills and positive attitude towards every effort establish a harmonious atmosphere educational organizations towards society educated human capital.

Keywords: human capital, education, knowledge, PIBG, idealism

PENGENALAN

Modal Insan terdiri daripada dua perkataan yang digabungkan untuk membawa satu makna yang sangat dinamik dan mula mendapat perhatian terutama dalam alam pendidikan di Malaysia untuk menghasilkan modal insan berminda kelas pertama. Pengertiannya dalam pendidikan meliputi manusia yang memiliki keseluruhan ilmu yang lahiriah dan ilmu yang dipelajari. Modal insan yang dimaksudkan itu adalah merujuk kepada individu yang dapat memperkasakan dirinya baik dari seg ilmu pengetahuan maupun berdaya saing

dari segi teknikal dan professional. Justeru itu, modal insan akan dijadikan pemicu, penggerak dan penjana ekonomi, pembangunan dan kemajuan negara khususnya dalam menuju wawasan 2020. Faktor kemanusiaan, termasuk kerohanian dan kemasyarakatan merupakan dua elemen penting dalam pembangunan modal insan. Dengan perkataan lain, pembangunan manusia membawa makna usaha membangunkan '*the inner drive*' setiap individu berkenaan yang kemudiannya membantunya menjana kecemerlangan sikap, tindakan dan pemikiran yang seterusnya membantu pula usaha-usaha mempertingkatkan produktiviti. Dalam konteks inilah, pembangunan manusia itu berkait rapat dengan tuntutan untuk memahami realiti hakikat insan itu sendiri. Natijah daripada usaha untuk memahami realiti hakikat insan ini, maka kita seharusnya menelusuri jalur sejarah kejadian manusia itu dengan mengambil pendekatan teologi atau dengan menggunakan perspektif keagamaan. Kefahaman terhadap hakikat insan penting diterokai kerana insan sebagai individu itu sendiri adalah bertanggungjawab secara sedar sepenuhnya terhadap segala sesuatu yang dilakukannya, terutamanya dalam sesuatu organisasi.

Proses pembentukan adab insan hanya akan berlaku apabila berlangsungnya proses pencapaian ilmu melalui pendidikan yang mempunyai matlamat moral. Sesungguhnya, pencapaian ilmu dan pembentukan adab melalui proses pendidikan itu akhirnya akan membantu melahirkan generasi insan baik (good man). Kelahiran insan baik inilah yang amat-amat kita harapkan kerana hanya insan baik yang sekaligus akan menjadi bukan sahaja warga organisasi yang baik tetapi lebih jauh daripada itu akan menjadi warganegara yang baik (Wan Mohd. Nor Wan Daud, Jan-Mac 1996) Dengan hal yang sedemikian, demi melahirkan sebuah organisasi yang berdaya maju, berkeuntungan dan tersohor namanya kerana kecemerlangan perkhidmatannya, adalah paling wajar untuk mengusahakan secara bersungguh-sungguh membina dan membangunkan organisasi yang beradab yang diterasi oleh para warganya yang juga memiliki kapasiti keberadaban yang unggul. Dengan kata lain, pembangunan modal insan ini memberi tumpuan kearah melahirkan insan yang berkualiti selari dengan ajaran Islam yang sangat menitikberatkan aspek kualiti. Agenda modal insan ini merupakan suatu usaha menyediakan pendokong atau pelaksana yang berkualiti dalam melaksanakan segala program pembangunan yang dirancang seterusnya dimanfaatkan oleh masyarakat.

TERAS MODAL INSAN

Modal Insan ialah unsur-unsur kemanusiaan dan keduniaan yang terdapat dalam diri seseorang insan yang boleh dibangunkan sehingga menjadikan seseorang individu itu seorang yang berguna. Islam memandang pembentukan individu sebegini adalah merupakan asas utama. Dalam Islam, umat Islam dianggap umat yang terbaik (*khayr ummah*) dan mereka mesti menonjolkan sifat ini kepada umum. Untuk membuktikannya, tumpuan utama pembangunan umat Islam adalah penjanaan akal, sahsiah dan iman mereka. Dalam hal ini, akal adalah elemen utama kerana ia dapat membezakan seorang manusia itu sama ada menjadi seorang insan atau haiwan (*haywan al-natiq*). Dalam al-Quran ada merekodkan bahawa manusia akan menjadi haiwan atau lebih hina lagi apabila tidak menggunakan akal. Firman Allah SWT (Surah al-A'raf (7): Ayat 179) bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka Jahannam kebanyakannya daripada jin dan manusia, mereka mempunyai hati tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.”

Berasaskan nas ini, seseorang manusia boleh menjadi insan yang berkualiti apabila akal mereka dapat memandu diri, peribadi dan masyarakat sekeliling. Justeru itu, pemahaman ke atas tujuan utama manusia dijadikan di muka bumi dan kewajiban keimanan kepada Allah SWT dapat membawa manusia ke matlamat yang tepat. Dalam agenda pembangunan masyarakat Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, terdapat tiga ajaran Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Gabung-jalin daripada tiga elemen ini akan membentuk satu gagasan yang tersusun bagi pembentukan umat Islam yang kuat, mantap, berguna dan terbaik. Mereka bukan hanya memiliki jiwa dan kefahaman kehidupan ini (*duniawi dan ukhrawi*) secara tepat, malah dizahirkan melalui amalan dan perkataan. Pemahaman ini menjadikan seorang Muslim itu

mengetahui ke mana arah tuju kehidupan mereka dan menjadikan mereka golongan yang sentiasa ingin berjaya (Ahmad Zaki Ibrahim, 2005: 3).

Natijahnya, untuk membolehkan manusia memainkan peranannya mentadbir bumi Allah S.W.T. dalam lingkungan tugasnya sebagai khalifah, mereka mestilah membangunkan diri dan melengkapannya dengan pelbagai keupayaan. Oleh kerana memahami, menyusun dan mengolah kembali alam ini, tidak dapat dilakukan melainkan dengan ilmu, maka manusia mestilah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan seterusnya membawa kepada pembangunan sosial masyarakat. Di samping itu, potensi fitrah manusia yang perlu ditonjolkan supaya berkembang menuju pembangunan dan bukan membawa keruntuhan akal budi. Sikap keinginan dan perasaannya mestilah dikembangkan berasaskan kepada nilai-nilai murni dan dibangunkan mengikut acuan yang sesuai dengan tuntutan pembangunan menuju kesempurnaan insaniah dan kemanusiaan.

Dalam kata lain, pembangunan dapat dicapai dengan membangunkan manusia sebagai *human capital* (Abdul Malek Al.Sayed, 1995). Ini sesuai dengan pandangan Ibn Khaldun yang menjadikan manusia sebagai fokus pembangunan atau pusat dunia. Oleh yang demikian konsep ini menjadikan modal kepada seseorang insan atau ringkasnya “modal insan” itu ialah menjadi insan yang berilmu, beriman dan beramal. Ketiga-tiga ciri itu mestilah berada serentak kerana kekurangan salah satu daripadanya mengakibatkan sifat modan insan itu tidak berjaya. Misalnya, insan yang berilmu tetapi tidak beriman akan membawa kehancuran dan kezaliman kepada bangsanya, begitu juga jika tidak beramal akan menyebabkan hidup sia-sia.

Seseorang yang berilmu akan lagi mulia dan dihormati apabila dibekali dengan iman yang kuat. Ini kerana ilmu yang dimiliki dapat dikawal oleh iman sebagai “control agent”. Ini kerana manusia terdiri daripada komponen akal dan nafsu yang beriringan di antara satu sama lain. Kekuatan bekalan iman akan dapat memastikan akal seseorang individu dapat memandu nafsu ke arah jalan yang direhma Allah SWT. Firman Allah SWT bermaksud: “Allah meninggikan (darjat) orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan.” Kesempurnaan iman ini sangat penting bagi seseorang individu bagi membentuk jati diri keinsanannya di sisi Allah SWT. Justeru itu, sifat berilmu, beriman dan beramal menjadi ikatan penting dalam menjana generasi yang berguna.

CIRI-CIRI MODAL INSAN:

Secara umumnya ciri-ciri modal insan yang dinyatakan oleh al-Quran juga adalah ciri-ciri insan rabbani dan ciri-ciri generasi al-Quran, antaranya:

- Generasi yang terbina kualiti asas – intelektual, rohani dan jasmani.
- Generasi yang berjiwa besar dengan cita-cita menggunung.
- Generasi al-Quran yang unik – generasi yang membaca, memahami, menghafal, menghayati dan mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah.
- Generasi yang mempunyai kepakaran dan mampu menawarkan Islam sebagai pilihan.
- Generasi yang celik sejarah.
- Generasi dengan *competitive Frame-Work of Mind* (pemikiran generasi yang mampu bersaing secara sihat) bagi menghadapi dekad dan abad yang lebih memerlukan daya saing, daya tahan dan ketangkasan berfikir.
- Generasi yang faham mengisi kebangkitan ummah dalam segenap bidang
- Generasi yang memahami *Adabul Ikhtilaf* (adab berbeza pandangan) dalam menghadapi kepelbagaian pandangan.
- Generasi yang *fastabiq al-khairat* (berlumba-lumba untuk mengerjakan kebaikan).
- Generasi yang membina imej *independent force* bagi menampakkan ketulenan idealisme.
- Generasi yang berkemampuan menangani isu-isu semasa dalam dan luar negeri

Antara lain ciri modal insan turut dinyatakan sebagai individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat dengan sebahagian daripada masyarakat Melayu yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berkeluarga mantap, berdisiplin, dinamik, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik dan nasionalisme, adil, progresif, cekal, berintegrasi dan berdaya saing. Dalam konteks ini, setiap individu itu bukan sahaja bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri, tetapi segala perilakuannya juga akan memberikan kesan kepada orang lain,

keluarganya, alam sekitarnya, organisasinya, masyarakatnya, bangsanya, agamanya, seterusnya akan turut melibatkan umat keseluruhannya. Dengan perkataan lain, sebarang dan setiap tindak-tanduk dan perilaku individu itu akan membawa sama ada kerugian, kemusnahan, kebangkarapan, kemunduran, kesengsaraan dan kemelaratan kualiti hidup organisasi seluruhnya atau membawa kepada keuntungan, kejayaan dan kecemerlangan, dan kemajuan yang sekaligusnya akan menobatkan sesebuah organisasi dalam kalangan masyarakat sekitarnya dan masyarakat organisasi keseluruhannya.

MODAL INSAN ORGANISASI PENDIDIKAN

Organisasi pendidikan merupakan organisasi yang mendedahkan para warganya kepada, bukan sahaja belajar sepanjang hayat, tetapi juga belajar kaedah-kaedah untuk belajar. Natijah daripada proses pembelajaran yang berterusan yang menjadi teras dan tunjang kepada organisasi pendidikan, maka para warga organisasi akan berjaya menghasilkan kejayaan berganda, memperoleh idea-idea dan pemikiran baru yang berupaya untuk dipindah dan dimodifikasi demi kesesuaian dan keperluan organisasi. Garvin (1993) menyatakan bahawa kewujudan organisasi pendidikan atau pembelajaran boleh dikesan berdasarkan kepada tiga tahap pemeringkatan perubahan yang saling bertindan iaitu pada tahap kognitif, tingkah laku dan penambahbaikan prestasi. Perubahan pada tahap kognitif akan membolehkan warga organisasi terdedah kepada idea-idea baru, memperluas horizon dan ufuk pengetahuan, dan telah berupaya untuk berfikir daripada perspektif yang berbeza dan pelbagai. Perubahan pada tahap kedua ialah tahap tingkah laku yang membolehkan warga organisasi menghayati dan menyebatikan celik akal-celik akal baru dan memperbaiki tingkah lakunya. Pada tahap yang ketiga, berlaku pula penambahbaikan prestasi sebagai kesan daripada perubahan kognitif dan tingkah laku dengan penghasilan produk dan perkhidmatan yang ditandai dengan “*superior quality, better delivery, increased market share, or other tangible gains*”. Untuk mencapai perubahan-perubahan ini, Garvin (1993) selanjutnya mencadangkan lima aktiviti yang membolehkan ujudnya organisasi pembelajaran yang berkesan. Aktiviti-aktiviti berkenaan ialah kaedah penyelesaian masalah yang sistematik, mencuba pendekatan-pendekatan baru, belajar daripada pengalaman sendiri dan sejarah silam, belajar daripada pengalaman dan amalan-amalan terbaik orang lain, dan menyebarkan pengetahuan dan pemikiran serta idea-idea baru ke seluruh bahagian organisasi dengan segera dan berkesan.

Manakala pendapat Senge (1990) pula, organisasi pembelajaran dan para warganya haruslah memiliki atau dicirikan oleh prinsip-prinsip atau disiplin seperti visi yang dikongsi bersama-sama (*shared vision*) oleh setiap warga organisasi. Perkongsian visi organisasi dan masa depannya akan membantu para warganya mempunyai iltizam yang mendalam terhadap hala tuju dan kemajuan organisasi seluruhnya. Selain perkongsian visi, model-model mental atau pemikiran (*mental model*) juga penting dalam merealisasikan kemajuan organisasi pembelajaran. Dalam konteks ini, pemahaman terhadap kepelbagaiannya dan perbedaan-perbedaan sudut pandangan akan membentuk kaedah pemikiran dan tindakan kita sekaligus memperkaya keupayaan individu menggaunnya menjadi model menyelesaikan masalah yang kreatif kepada permasalahan-permasalahan yang rumit. Pemikiran bersistem (*system thinking*) juga menjadi disiplin dan prinsip yang penting dalam organisasi pembelajaran. Pemikiran yang bersistem akan membantu membolehkan warga organisasi melihat keberkaitan setiap bahagian dalam organisasi sehingga membentuk gambaran tentang organisasi yang menyeluruh. Organisasi pembelajaran mengikut model Senge juga memberi penekanan kepada keberkesanannya pasukan. Semangat berpasukan yang kuat akan dimanifestasikan dalam semua aspek aktiviti dan tindakan dalam organisasi. Selanjutnya, penguasaan kendiri atau kedirian (*personal mastery*) juga menjadi prinsip penting dalam model organisasi pembelajaran Senge. Dalam konteks ini, kehadiran individu itu akan menjadi lebih bermakna dan lebih berkesan di dalam organisasi apabila ia terlibat dengan proses pembelajaran tentang kendiri dan kediariannya. Maknanya, individu-individu berkenaan berupaya melihat dan mentaktifkan kemampuan dan ketramplinan dirinya untuk turut menyumbang secara tekal dan tuntas kepada organisasi. Ringkasnya, mereka mempunyai kesedaran diri yang tinggi.

Dalam organisasi pembelajaran ini, pemimpinnya merupakan seorang penyelia iaitu seorang pengawas atau pengelola yang mempunyai deria matlamat yang amat mendalam yang mendasari aspirasi peribadinya yang unik dan harapannya terhadap organisasi yang amat bermakna. Inilah yang menjadi teras kepada “*his ability to lead*”, yang dijelmakan menerusi iltizam setiap individu melaksana dan menyempurnakan pekerjaan. Dengan perkataan lain, semangat aspirasi dan harapan unik pemimpin organisasi yang boleh disifatkan sebagai “*tacit knowledge*” boleh dijadikan sebagai “*explicit knowledge*”

melalui proses pengkomunikasian menerusi mesyuarat, perbincangan, sumbang saran dan seumpamanya. Idea-idea pemimpin yang jelas tentang matlamat, visi dan strateginya, jika berupaya diperjelaskan kepada para pengikut dengan jelas juga, akan memberi semangat dan inspirasi kepada mereka untuk direalisasikan dan menjadi kenyataan. Ini kerana, kejelasan idea akan membantu membolehkan para pengikut membina imaginasi dan realiti impian yang sekaligus akan merangsang mereka untuk menyempurnakan tugas berkenaan. Dalam konteks ini, kepemimpinan transformasional menjelmakan kekuatan daya memotivasi dan mengilhamkan para pengikutnya yang dipandu oleh cerita-cerita tentang keazaman dan visi jelas organisasi oleh aktor kepemimpinannya.

Pemimpin sebagai guru atau pendidik merupakan tugas kepemimpinan dalam organisasi pembelajaran. Ini tentunya bersesuaian kerana pemimpin boleh mempengaruhi warga organisasi melihat realiti pada empat tahap yang berbeda iaitu tahap peristiwa atau kejadian-kejadian, pola-pola tingkah laku, struktur-struktur sistematik dan cerita tentang keazaman (*purpose story*). Dalam organisasi pembelajaran, kepemimpinannya memberi tumpuan kepada keempat-empat tahap cara realiti ditanggap tetapi fokus utamanya ialah struktur-struktur sistemik dan cerita tentang keazaman. Struktur sistemik yang merupakan domain “*system thinking and mental models*” digunakan oleh pemimpin untuk menerangkan dan membantu warga organisasi melihat realiti imaginasi yang lebih besar.

Dalam konteks ini, kepemimpinan yang berkarisma merupakan pencetus dan penjana perubahan-perubahan dalam sesebuah organisasi kerana mereka memiliki kekuatan kuasa untuk mempengaruhi yang unggul yang boleh menarik minat pengikutnya. Ini ditambah pula dengan keupayaannya melayani individu-individu dalam kelompok yang dipimpinnya. Ini adalah kerana kepemimpinan yang berkarisma memiliki bukan sahaja daya tarikan peribadi yang luar biasa tetapi para pengikutnya akan berasa bangga apabila dikaitkan dengan pemimpin yang sedemikian. Dengan hal yang demikian, para pengikutnya akan sentiasa bersifat “*supportive*” untuk membantu merealisasikan segala visi pemimpin mereka. Pemimpin yang berkarisma memiliki ciri-ciri seperti bertenaga, berkeyakinan diri, intelek, mempunyai kemahiran lisan, mempunyai kekuatan ego idealisme yang tinggi dan berupaya membuat penentuan dan ketentuan (Bass: 1990). Pemimpin yang berkarisma juga berupaya untuk menginspirasikan para pengikutnya dan ini merupakan kekuatan kepemimpinan transformasional yang bukan sahaja menjadi model teladan untuk dicontohi tetapi juga berupaya pula merangsang pengikutnya untuk melakukan sesuatu di luar batas jangkaan sehingga dapat melahirkan sekolah yang cemerlang dan unggul dalam pelbagai bidang.

Di samping itu, mereka juga didedahkan kepada realiti perhubungan yang saling berkaitan antara bahagian-bahagian di dalam sesebuah organisasi. Pada ketika yang sama juga, cerita tentang keazaman dan aspirasi kepemimpinan akan membantu membina ingatan bersama di kalangan seluruh warga organisasi tentang kewujudan organisasi dan matlamat yang ingin dicapainya. Ringkasnya, pemimpin sebagai pendidik berupaya mewujudkan rangsangan untuk pembelajaran kepada seluruh warga organisasinya berdasarkan kefahaman tentang perkaitan antara bahagian-bahagian dalam organisasi dan azam untuk merealisasikan visi unggul organisasi yang mentakrifkan kewujudannya. Dalam konteks ini, tentunya kenyataan Jujun S. Suriasumantri (1990) amat relevan diketengahkan apabila beliau memperihalkan tentang sifat guru yang baik [apatah lagi guru merupakan citra kepemimpinan transformasional seperti yang dibicarakan oleh Burns (1978)]. Katanya“.... guru yang baik bukanlah guru yang amat pintar, melainkan mereka yang boleh memberikan inspirasi kepada kita, mereka yang merangsang naluri yang sangat dasar dan sangat penting dalam kehidupan kita: Yakni rasa ingin tahu”

Sesungguhnya, guru itu adalah amat penting dalam organisasi sekolah. Tanpa guru sesebuah sekolah tidak mampu beroperasi sendiri, seperti mana kajian yang dibuat terhadap isu-isu pendidikan luar bandar di Perak (Zakaria Kasa, 2010). Jadual 1 di bawah merupakan persepsi ibu bapa terhadap sekolah. Majoriti (83.6%) ibu bapa mengatakan sekolah anak mereka mempunyai guru yang mencukupi dan kebanyakannya mereka bersetuju (59.7%) bahawa sekolah anak mereka tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi.

Jadual 1 Persepsi Ibu Bapa Terhadap Sekolah

ITEM	Ya		Tidak		Jumlah	
	n	%	n	%	n	%
Sekolah mempunyai guru yang mencukupi	833	83.6	164	16.4	997	100.0
Sekolah mempunyai kemudahan yang mencukupi	594	59.7	401	40.3	995	100.0

Jadual 2 menunjukkan hubungan ibu bapa dengan sekolah berada pada tahap baik (46.2%) dan sederhana (49.9%). Hanya 4% yang mengatakan hubungan dengan sekolah berada pada situasi tidak baik. Ibu bapa mempunyai pandangan baik (55.6%) dan sederhana (41.5%) terhadap sikap guru sekolah dalam pengajaran. Begitu juga pandangan terhadap hubungan guru sekolah dengan ibu bapa adalah baik (52%) dan sederhana (43.9%). Hanya 41.3% ibu bapa mempunyai pandangan baik terhadap pencapaian sekolah manakala kebanyakan (56.1%) mempunyai pandangan sederhana.

Kebanyakan ibu bapa mempunyai pandangan sederhana (52.5%) mengenai kemudahan sekolah. Mereka yang mempunyai pandangan baik adalah 38.8%. Tren mengenai pandangan terhadap tahap keselamatan sekolah adalah 45.5% pada tahap baik dan 48.7% pada tahap sederhana. Pandangan terhadap pengurusan sekolah hampir sama antara baik (48.4%) dan sederhana (48.1%). Begitu juga pandangan terhadap kebijakan murid sekolah mempunyai trend hampir sama, iaitu 41.9% baik dan 52.8% sederhana. Pandangan terhadap guru sekolah, 58.4% pada tahap baik manakala 39% tahap sederhana.

Jadual 2 Pandangan Ibu Bapa Terhadap Sekolah

ITEM	Baik		Sederhana		Tidak Baik		Jumlah	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Hubungan anda dengan sekolah	462	46.2	499	49.9	40	4.0	1001	100.0
Pandangan terhadap sikap guru sekolah dalam mengajar	555	55.6	415	41.5	29	2.9	999	100.0
Pandangan terhadap hubungan guru sekolah dengan ibu bapa	519	52.0	439	43.9	41	4.1	999	100.0
Pendapat terhadap pencapaian sekolah	414	41.3	562	56.1	26	2.6	1002	100.0
Pandangan terhadap kerjasama dalam hubungan ibu bapa	452	45.4	511	51.3	33	3.3	996	100.0
Pandangan terhadap pencapaian pelajar sekolah	380	38.1	593	59.4	25	2.5	998	100.0
Pandangan terhadap kemudahan sekolah	388	38.8	526	52.5	87	8.7	1001	100.0
Pandangan terhadap tahap keselamatan sekolah	456	45.5	488	48.7	58	5.8	1002	100.0
Pandangan terhadap pengurusan sekolah	484	48.4	481	48.1	36	3.6	1001	100.0
Pandangan terhadap kebijakan murid sekolah	419	41.9	527	52.8	53	5.3	999	100.0
Pandangan terhadap guru sekolah	584	58.4	390	39.0	26	2.6	1000	100.0

Kajian ini mendapati majoriti ibu bapa luar bandar berpendapat bahawa sekolah anak-anak mereka mempunyai bilangan guru yang mencukupi. Namun begitu kebanyakannya mereka juga berpendapat bahawa sekolah anak-anak mereka masih tidak mempunyai kemudahan yang cukup untuk kesempurnaan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan ini selari dengan kajian Faridah Abu Hassan dan Naimah Ishak (2005) yang mendapati kekurangan prasarana dan kemudahan pembelajaran serta suasana pembelajaran yang kurang selesa dan kondusif di luar bandar adalah di antara faktor yang mempengaruhi pencapaian murid yang berpencapaian rendah.

Di samping itu, hubungan yang baik antara sekolah dan masyarakat amat penting bagi memastikan segala perancangan pembangunan pelajar berjalan dengan sempurna. Namun begitu dapatkan kajian menunjukkan ibu bapa luar bandar mempunyai pandangan yang sederhana positif terhadap kemudahan-kemudahan yang ada di sekolah. Malah, ibu bapa luar bandar mempunyai pandangan yang berbeza tentang pengurusan sekolah yang mana ada di antara mereka yang melihat pengurusan sekolah sebagai baik dan ada ibu bapa yang melihat pengurusan sekolah sebaliknya. Bahkan ibu bapa luar bandar melihat kebijakan sekolah terhadap murid berada pada tahap sederhana dan begitu juga pandangan mereka kepada para guru. Dapatkan ini selari dengan kajian EPRD (1994) yang melihat pengurusan sekolah kurang berkesan dalam mengurus, memimpin pengajaran dan mendisiplin guru telah menyebabkan sekolah tidak efektif. Ini secara langsung dinilai oleh ibu bapa yang melihat sekolah tidak berfungi seperti yang mereka harapkan. Atas sebab itulah timbulnya persepsi ibu bapa yang tidak begitu memberangsangkan terhadap sekolah secara keseluruhannya.

Justeru itu, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) seharusnya memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan suasana yang harmoni dengan pihak sekolah. Dalam kontek pembangunan modal insan, peranan PIBG bukan sahaja sebagai mekanisme yang membawa wadah yang memperjuangkan kebijakan dan kepentingan para pelajar dalam konteks pendidikan, tetapi pada masa yang sama merupakan medan sosialisasi dan pemasyarakatan individu ke arah menguji dan memantapkan pembinaan imej diri dan keluasan pengaruh. Ini tentunya mudah difahami, apatah lagi masyarakat tentunya akan memberikan perhatian dan minat yang bukan kepalang kepada kalangan yang berupaya memperlihatkan bukan sahaja bakat dan ketrampilan kepemimpinan tetapi juga keprihatinan yang mendalam terhadap kebijakan pelajar yang sekaligus merupakan generasi kepemimpinan masa depan.

Pengurusan dan Kepemimpinan PIBG semasa juga seharusnya memikirkan tentang perlunya mendidik para ahlinya dengan kefahaman dan idealisme yang mantap berhubung dengan tuntutan makna kesukarelawanan yang menjadi teras kewujudannya. Ini kerana pelbagai perkembangan semasa bagi menjanjikan kebimbangan tentang kefahaman masyarakat terbanyak untuk menghayati makna kesukarelaan dan kesukarelawanan kian menipis dan luntur. Kebanyakan daripada kita seringkali mempersoalkan ganjaran, habuan dan keistimewaan yang bakal diperolehi apabila menceburkan diri dalam sebarang atau mana-mana organisasi atau aktiviti. Ini ditambah lagi dengan tuntutan semasa yang seolah-olah membenarkan situasi bahawa setiap pergerakan dan keinginan seharusnya dinilai dan dibayar dengan sesuatu kos yang menguntungkan setiap mereka yang terlibat. Dengan perkataan lain, semuanya adalah berdasarkan kepada ‘ringgit dan sen’. Justeru itu, bersesuaian dengan tuntutan dan keperluan alaf baru ini, kepemimpinan PIBG seharusnya terdiri daripada kalangan yang benar-benar berwibawa sekaligus memahami makna kesukarelaan dan kesukarelawanan yang mantap dalam memberikan khidmatnya kepada organisasi.

Kepemimpinan PIBG mestilah berupaya melihat gambaran masa depan organisasinya secara yang amat menyeluruh dan kemudiannya berkemampuan pula untuk memperjelaskannya kepada para pengikutnya. Secara tidak langsung, seseorang pemimpin itu telah mencetuskan matlamat bersama yang memungkinkan pengikutnya berusaha ke arah pengrealisasian wawasan berkenaan. Usaha-usaha sebegini juga akan terorganisasi secara teratur dan sistematis kerana masing-masing individu di dalam organisasi berkenaan telah jelas akan masa depan yang mereka tujui. Dalam konteks PIBG, tentunya matlamat terakhir organisasi dan para anggotanya ialah untuk melihat anak-anak mereka berjaya dengan cemerlang hasil kesepaduan minda dan hati anggota PIBG seluruhnya.

Seterusnya kepemimpinan PIBG, sewajarnya memiliki kekuatan prinsip dan mesti berpegang tegas kepada prinsip berkenaan. Dengan perkataan lain, pemimpin yang bijak dan berwibawa itu merupakan seorang pemimpin yang berdiri dengan kekuatannya berpegang kepada prinsip moral yang secara jelas dan tuntas mentakrifkan tentang kebenaran sekaligus mengesampingkan segala yang membawa kepada

kezaliman. Seseorang pemimpin PIBG yang tulin amat menyedari bahawa etika yang baik akan memandu kepada pencapaian matlamat yang murni. Hubungan sesama anggota yang diterasi oleh prinsip pegangan perjuangan yang ampuh akan menjadikan sesebuah organisasi itu sentiasa kukuh kesepadan ikatan para anggotanya dan mempunyai keselarian matlamat tanpa mengira kepentingan peribadi dan kelompoknya.

Di samping itu, bagi setiap pelajar berkeupayaan membina wawasan hidupnya secara yang amat imaginatif dan amat pula ketara akan keinginannya untuk menggapai kesempurnaan, dan kesempurnaan inilah yang boleh disifatkan sebagai idealisme atau wawasan unggul dan luhur. Dalam konteks inilah juga, konsep idealisme pelajar itu boleh membantu mencorak dan mencitrakan tampang atau wajah generasi pelajar yang ingin dilahirkan dari mana-mana institusi pendidikan. Konsep idealisme pelajar merupakan antara '*mental image*' yang seharusnya menjadi pemangkin dan penjana kelahiran dan pembentukan generasi pelajar yang mengerti tentang makna tanggungjawabnya terhadap agama, peribadi, keluarga tercinta, masyarakat, moral, yang keseluruhanya terangkum pula ke dalam makna adab dan keberadaban insan, dan akauntabiliti sebagai ahli dan warga sebuah organisasi pendidikan.

Idealisme modal insan dan wawasan yang seharusnya tercermin dalam minda pelajar dibahagikan kepada beberapa jalur berdasarkan kepada matlamat pelbagai jangka, yang setiap satunya mungkin berjangka pendek, berjangka sederhana dan berjangka panjang. Matlamat jangka pendek bolehlah ditakrifkan kepada matlamat semerta, seumpama ingin menjadi pelajar yang berbeda sikap, penampilan, sahsiah, keperibadian dan kesungguhan daripada kehidupan seorang pelajar yang sebelumnya. Dengan perkataan lain, mereka ingin menjadi pelajar yang lebih berdisiplin, berbudi bahasa, berwibawa, bertanggungjawab, kemas, memiliki daya kesungguhan yang nyata, dan sebagainya. Matlamat jangka sederhananya pula bolehlah ditakrifkan sebagai matlamat yang berkaitan dengan beban peperiksaan dan pelbagai macam ujian yang akan berlangsung di sekolah dan juga peperiksaan awam yang bakal diduduki. Dalam hal ini, mereka seharusnya telah jelas tentang pemilihan subjek, pemilihan subjek dan kaitannya dengan bidang kerjaya yang diminati, pelbagai buku rujukan yang berkaitan, maklumat pelbagai universiti dan sebarang pusat pengajian tinggi awam atau swasta yang menawarkan bidang-bidang pengajian yang berkaitan dengan minat akademik dan kerjaya masa hadapannya.

Manakala matlamat jangka panjang pula bolehlah ditakrifkan sebagai matlamat kehidupan selepas menjadi seorang siswazah dalam bidang yang diminatinya, atau dalam bidang yang menjadi bidang pengkhususan atau bidang kepakarannya, kehidupan berkeluarga, kehidupan bermasyarakat, dan tentunya yang paling penting dalam setiap peringkat matlamatnya ialah sentiasa berniat untuk menjadi anak yang baik dan terbaik, warganegara yang baik dan hamba Allah yang terbaik. Visi atau wawasan unggul seperti inilah juga yang seharusnya menjadi teras idealisme bagi setiap pelajar yang merupakan khazanah warisan kepemimpinan negara pada masa hadapan.

Pelajar yang memiliki idealisme berteraskan kekayaan khazanah pengetahuan dan ilmunya dari pelbagai budaya dan tradisi akan membantu menyerlahkan idea-idea yang berkecenderungan mempertahankan suara kebenaran dan keadilan yang sejahtera sifatnya, memahami makna derita kalangan terbanyak dan masyarakat marhein merempat, erti derita dan kelaparan, erti perjuangan dan pengorbanan dan yang seumpamanya. Secara tidak langsung mereka akan membina, memperkuuh dan membangunkan keperibadian unggul berorientasikan kepemimpinan pendidik yang seterusnya berkeupayaan mendidik dan seterusnya memimpin umat. Sifat dan kesediaan untuk mengamalkan keterbukaan minda demi memperoleh dan menerima segala yang terbaik dari pelbagai tradisi, budaya dan peradaban secara tidak langsung akan membantu memperkuuh serta memperkasa diri dan keponakan sendiri seterusnya membantu mengangkat martabat bangsa ke mercu kegemilangan ummah.

PENUTUP

Kesediaan kepimpinan transformasional organisasi dan warganya (guru, pelajar dan PIBG) mengembanglu pembinaan modal insan akan memungkinkan organisasi itu dapat merealisasikan input ilmu, ketrampilan dan sikap yang positif terhadap segala usaha mengwujudkan satu suasana organisasi pendidikan yang harmoni ke arah melahirkan masyarakat yang bertamadun. Agenda modal insan ini merupakan suatu usaha menyediakan pendokong atau pelaksana yang dapat menjayakan segala program pembangunan yang dirancang kearah melahirkan insan yang berkualiti selari dengan ajaran Islam yang sangat menitikberatkan aspek kualiti dan seterusnya dimanfaatkan oleh masyarakat.

Bersesuaian dengan kapasiti sebagai kepimpinan pendidik, maka matlamat kepimpinan transformasi organisasi pendidik bukan sahaja untuk pembangunan Negara, tetapi serentak dengan itu mempertingkatkan pembangunan insane kearah penyuburan dan pembentukan masyarakat yang lebih berakh�ak, bermoral dan kaya dengan seluruh sifat kemanusiaan yang tinggi.

RUJUKAN

- Abdul Malek A.Al-Sayed. (1995). *Etika sosial dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaki Ibrahim. (2005). Tamadun Islam: Konsep dan peranannya dalam pembinaan bangsa Melayu bertamadun. Kertas Kerja Seminar Ketamadunan Ummah . USM.
- Azhar Hj.Wahid dan Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan pembangunan modal insan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bass, Bernard M. (1990a) From transactional to transformational leadership; Learning to Share the Vision. *Organizational Dynamics*. Vol.18. hal. 19-31.
- Burns, James MacGregor. (1978). *Leadership*. New York: Harper Colophon Books.
- Garvin, David A. (Julai-Ogos 1993). *Building a learning organization*. Harvard Business Review. Hal. 78-91.
- Jujun S. Suriasumantri. (1990). Tentang hakikat ilmu: Kata Pengantar Sidang Pengarang; dalam Jujun S. Suriasumantri, Ilmu dalam Perspektif: Sebuah kumpulan Karangan Tentang Hakikat Ilmu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal. 1-45.
- Senge, Peter M. (1990). *The fifth discipline. The art and practice of the learning organizations*. New York: Doubleday/Currency.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1996). Insan baik teras kewarganegaraan. *PEMIKIR*. Bil. 3.Jan – Mac 1996. Hal. 1-24
- Zakaria Kasa, Amir Hasan Dawi, Azhar Hj.Wahid, Mohd Sani Madon, Mohd Noor Idris & Shaharudin Ali. (2010). Kajian isu pendidikan luar bandar di Perak. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.